

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE
[SANDAKAN]**

SOALAN

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah rancangan Kementerian untuk mengatasi masalah perumahan setinggan yang ada di Sandakan bagi mencegah kemungkinan berlakunya krisis kesihatan di masa hadapan.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sentiasa bekerjasama dengan kerajaan Negeri Sabah bagi mengambil langkah proaktif dalam usaha menyelesaikan masalah perumahan setinggan yang ada di Sabah termasuklah di Sandakan selaras dengan hasrat kerajaan Negeri Sabah bagi menyediakan satu penempatan yang baik dan tersusun kepada rakyat.

2. Justeru, salah satu inisiatif penyediaan perumahan yang dilaksanakan oleh KPKT bagi menangani perumahan setinggan dan memenuhi keperluan perumahan golongan berpendapatan rendah (B40) adalah melalui pelaksanaan Program Perumahan Rakyat (PPR). Sehingga 30 September 2020, terdapat 9 projek PPR yang merangkumi 6,080 unit rumah telah siap dibina di Sandakan.

3. Selain itu, salah satu inisiatif pemeraksanaan komuniti yang dilaksanakan oleh KPKT di bawah Kluster 2: Kebersihan, Alam Sekitar Dan Kesihatan, Dasar Komuniti Negara juga turut menekankan aspek komuniti harus mengutamakan penjagaan kesihatan bermula dari diri sendiri sehinggalah penjagaan kesihatan seisi keluarga dan seluruh ahli komuniti. Masyarakat juga seharusnya sentiasa memastikan kawasan perumahan mereka bersih dan bebas daripada ancaman penyakit dan wabak. Bagi membolehkan pelaksanaan Dasar Komuniti Negara yang efektif ini, 4 strategi di bawah Kluster 2 telah dirancang oleh KPKT bagi mencegah kemungkinan berlakunya krisis kesihatan di masa hadapan.

4. Untuk makluman Yang Berhormat juga, KPKT melalui Pejabat Sekretariat Muafakat Komuniti (PSMK) turut membantu komuniti dalam melaksanakan pelbagai inisiatif untuk memperkasakan komuniti melalui pelaksanaan kepelbagaian aktiviti dan program. Seterusnya, PSMK juga bertindak sebagai pemudah cara dan penjalin hubungan antara komuniti dengan agensi kerajaan, swasta dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) termasuklah aktiviti-aktiviti berkaitan kesihatan awam. Di Sabah, PSMK akan beroperasi di PPR Taman Sri Keramat, Putatan dan PPR Taman Telipok Ria, Tuaran. PSMK ini akan turut diperluas ke lain-lain PPR termasuk PPR di Sandakan, Sabah.

Sekian, terima kasih.